



Bahana Aedes



INFO



CEGAH DENGGI: Kitaran hidup nyamuk Aedes daripada telur menjadi nyamuk dewasa hanya mengambil masa tujuh hari. Periksa rumah seminggu sekali dan hapuskan tempat pembiakan jentik-jentik. Pastikan tiada tempat pembiakan jentik-jentik di persekitaran rumah kita dengan memeriksa :

| TEMPAT DIPERIKSA | TINDAKAN YANG MESTI DIAMALKAN |
|---|--|
| Dalam Rumah | |
| Talam peti sejuk  | <ul style="list-style-type: none"> ● Berus dan cuci setiap minggu ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik |
| Pelapik rak pinggan  | <ul style="list-style-type: none"> ● Buang air yang bertakung ● Tidak menggunakan pelapik |
| Perangkap semut  | <ul style="list-style-type: none"> ● Berus dan cuci setiap minggu ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik |
| Kolah air  | <ul style="list-style-type: none"> ● Berus dan cuci setiap minggu ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik |
| Pam tandas  | <ul style="list-style-type: none"> ● Tutup dengan rapat ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik ● Jika rosak, baki segera |
| Mangkuk tandas tandas rosak  | <ul style="list-style-type: none"> ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik ● Tutup dengan rapat / Baki segera |
| Baldi  | <ul style="list-style-type: none"> ● Berus dan cuci setiap minggu ● Tutup dengan rapat ● Telangkup atau terbalikkan |
| Bekas jambangan  | <ul style="list-style-type: none"> ● Berus dan tukar airnya setiap minggu ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik ● Tidak membubuh air tetapi membalut tangkai bunga dengan kapas atau kertas basah |
| Luar Rumah | |
| Tong drum yang berisi air  | <ul style="list-style-type: none"> ● Berus dan cuci setiap minggu ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik ● Tutup dengan rapat ● Buang/lupuskan jika tidak digunakan ● Telangkupkan atau terbalikkan supaya tidak menakung air |
| Tempayan  | <ul style="list-style-type: none"> ● Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik ● Tutup dengan rapat ● Telangkup atau terbalikkan |



Si kecil tidak terlepas daripada virus denggi

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bharian.com.my

DEMAM denggi antara punca utama kematian kanak-kanak di kebanyakan negara hari ini, khususnya di bawah usia 15 tahun. Dibawa nyamuk Aedes kepada manusia melalui gigitannya, jenis demam denggi lebih bahaya ialah denggi berdarah.

Sesiapa saja berisiko digigit nyamuk yang membawa kuman virus denggi menghadapi risiko yang lebih tinggi mendapat denggi. Ciri demam denggi seakan sama dengan demam selesema dan ciri klinikal berbeza mengikut umur pesakit.

Kadar demam denggi dan demam denggi berdarah di Malaysia, masing-masing 118.3 dan 5.1 bagi setiap 100,000 penduduk. Bagi kadar kematian atau mortaliti demam denggi dan demam denggi berdarah pada 1998, masing-masing 0.22 dan 0.23 bagi setiap 100,000 penduduk.

Ciri klinikal demam denggi berubah-ubah mengikut umur pesakit:

- Bayi dan kanak-kanak mungkin mengalami demam yang sukar dibezakan berserta dengan kemunculan ruam.
- Orang dewasa dan kanak-kanak yang lebih tua mungkin mengalami sama ada sindrom demam yang tidak serius atau pun demam kuat yang mengejut, sakit kepala yang teruk, ruam dan sakit di belakang mata, otot dan sendi.
- Pendarahan kulit adalah fenomena lazim.
- Kadar kematian amat rendah.
- Penyakit ini lazimnya bermula dengan peningkatan suhu badan yang mendadak, diikuti gejala lain yang tidak khusus seperti merah muka dan gejala lain demam denggi yang tidak spesifik.
- Rasa tidak selesa di bahagian ulu hati (epigastrik), sensitif di bahagi-

an rusuk kanan dan sakit di bahagian abdomeh adalah fenomena biasa demam denggi berdarah.

■ Demam selalunya berterusan selama dua hingga tujuh hari dan suhu badan boleh meningkat setinggi 40-41 darjah selsius dan mungkin diikuti dengan kekejangan serta pendarahan.

■ Dalam kes yang sederhana teruk, selalunya semua tanda dan gejala penyakit hilang selepas demam sembuh.

■ Pesakit biasanya sembuh secara spontan atau selepas diberi terapi cecair dan elektrolit (ion berasingan seperti natrium, klorida, potasium, bikarbonat dan lain-lain)

Apakah ujian yang boleh dilakukan untuk mengesan penyakit ini?

- Pemeriksaan darah digunakan untuk membantu dalam diagnosis demam denggi. Kiraan sel platlet yang rendah (trombositopenia) dan kepekatan hematokrit (hemokonsentrasi) yang tinggi lazimnya dikesan.
- Ujian serologi menawarkan kaedah yang paling cepat dan ringkas untuk mengesahkan diagnosis klinikal demam denggi. Pengasingan virus adalah kaedah diagnosis paling boleh dipercayai.

B/14 2/6/2011

MA 22.

Pasu bunga



- Pastikan pasu bunga tidak menaung air

Alas pasu bunga



- Berus dan cucu setiap minggu
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik
- Tidak menggunakan alas pasu bunga

Pelbagai jenis tin



- Kumpul dan lupuskan dengan sempurna
- Letak di tempat yang terlindung daripada hujan

Tayar



- Letak di tempat yang terlindung daripada hujan
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik
- Susun dan tutup rapat di bahagian atas

Takungan hidroponik



- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik

Kanvas semua jenis plastik



- Buang air yang bertakung
- Lipat dan letak di tempat terlindung daripada hujan

Bekas minuman binatang peliharaan



- Berus, cuci dan tukar airnya setiap minggu

Bekas makanan polisterin



- Kutip dan buang dengan sempurna

Longkang



- Cuci dan bersihkan setiap minggu
- Pastikan air mengalir dengan lancar

UNTUK DILAKUKAN OLEH ORANG DEWASA SAHAJA

Salur air hujan



- Pastikan tidak tersumbat
- Ganti ataubaiki jika rosak